

Headline	Diskaun tambahan pengguna elektrik		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	28 Mar 2020	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	TEMPATAN	Page No	4
ArticleSize	168 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,000		



Diskaun tambahan pengguna elektrik

PUTRAJAYA: Diskaun tambahan ke atas penggunaan elektrik turut diberikan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang diumumkan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam.

Perdana Menteri berkata, kerajaan bersama Tenaga Nasional Berhad akan menambah peruntukan sebanyak RM530 juta

lagi untuk memberikan diskaluan berperingkat antara 15 peratus hingga 50 peratus mengikut penggunaan kadar elektrik dengan had maksimum 600 kilowatt sebulan.

Muhyiddin berkata, dalam pakej rangsangan ekonomi yang lepas, kerajaan telah memperturunkan sebanyak RM500 juta bagi tujuan pemberian

diskaluan 15 peratus ke atas bil elektrik sektor pelancongan dan dua peratus bagi sektor komersial, industri, pertanian dan isi rumah di Semenanjung Malaysia mulai 1 April 2020.

Beliau berkata, diskaluan 50 peratus akan diberikan kepada penggunaan elektrik bawah 200 kilowatt, 25 peratus bagi penggunaan antara 201 hingga 300

kilowatt dan 15 peratus bagi penggunaan 301 hingga 600 kilowatt.

"Diskaun ini akan berkuat kuasa bagi tempoh enam bulan mulai bil bulan April 2020," katanya.

Beliau menjelaskan, diskaluan sebanyak dua peratus seperti dimaklumkan sebelum ini akan terus dinikmati oleh semua pengguna isi rumah.

Selain itu, Muhyiddin turut memberitahu, terdapat beberapa pakej khas akan ditawarkan dengan kerjasama syarikat-syarikat telekomunikasi bagi industri telekomunikasi dan multimedia.

Jelasnya, antara pakej khas yang akan ditawarkan adalah internet percuma kepada semua pelanggan dengan nilai RM600

juta bermula 1 April 2020 sehingga tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan tamat.

Perdana Menteri berkata selain itu, tambahan RM400 juta akan dilaburkan untuk meningkatkan liputan dan keupayaan rangkaian bagi mengekalkan ketersejaian dan kualiti rangkaian telekomunikasi yang tinggi dan mampan. - Bernama